



### **MAJLIS AIDS MALAYSIA DAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT BERGANDING BAHU BAGI MENINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN KAUM WANITA DI KELANTAN**

---

Kota Bahru, Kelantan 15 Jun 2012 - Majlis AIDS Malaysia, dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menganjurkan Bengkel Menjana Pendapatan di bawah Program Pencegahan Jenayah SEKATA di Kota Bahru, Kelantan. Bengkel berkenaan disertai oleh 40 orang peserta yang datang dari negeri Kelantan dan juga dari negeri jiran, Terengganu. Majlis Penutupan dan penganugerah sijil untuk para peserta bengkel telah disempurnakan oleh President Majlis AIDS Malaysia, Datuk Dr Raj Karim. Hadir sama adalah wakil rasmi Ketua Pengarah KPWM.

Perlaksanaan bengkel berkenaan adalah bersesuaian dengan permasalahan dan keperluan komuniti setempat yang melibatkan komponen pembangunan insan, kesejahteraan sosial, pembangunan kapasiti dan penggalakkan perniagaan kecil

Sekata merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke arah pembangunan sosial negara dengan meningkatkan pembangunan dan kesejahteraan sosial berasaskan pendekatan komuniti sejahtera.

“ Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia dengan mengekalkan ketenteraman, keselamatan dan kebajikan selaras dengan kemajuan ekonomi. Penglibatan aktif badan bukan kerajaan (NGO) seperti Majlis AIDS Malaysia merupakan komponen kritikal dalam meluaskan capaian program SEKATA ini kepada mereka yang terpinggir serta berisiko tinggi. ” menurut kenyataan KPWKM.

Datuk Dr Raj Karim berkata bahawa wanita-wanita tempatan yang selesai menjalani latihan itu kelak akan menjadi penjana kepada perubahan yang lebih positif.

## **KENYATAAN MEDIA MAJLIS AIDS MALAYSIA**

### **UNTUK SEBARAN SEGERA**



“ Kaum wanita adalah tunjang kepada kesejahteraan keluarga. Program yang kita jalankan pada hari ini adalah bertujuan untuk memperkasakan kaum wanita, khususnya di negeri Kelantan ini dengan kekuatan ekonomi. “ katanya di sini hari ini.

“ Risiko penularan jangkitan HIV dan AIDS lazimnya berkait rapat dengan status sosio ekonomi sesuatu komuniti. Statistik menunjukkan bahawa kaum wanita di luar bandar yang lemah dari segi ekonomi adalah lebih terdedah kepada risiko jangkitan HIV dan AIDS” ujar Datuk Dr Raj lagi.

Majlis AIDS Malaysia kini giat meningkatkan keutamaan kepada usaha untuk membanteras HIV di kalangan kaum wanita, khususnya buat mereka yang berada di luar bandar memandangkan berlaku peningkatan ketara dalam trend penularan HIV di kalangan mereka. Dalam tempoh satu dekad, peratusan wanita yang dijangkiti HIV telah meningkat hampir sepuluh kali ganda, dengan perangkaan terkini menunjukkan bahawa hampir 13,000 wanita kini hidup dengan HIV.

### **UNTUK PERTANYAAN LANJUT SILA HUBUNGI JABATAN MEDIA DAN KOMUNIKASI MAJLIS AIDS MALAYSIA**

---

Meera Abi | +6016-4146400 | [meera@mac.org.my](mailto:meera@mac.org.my)

Azahemy Abdullah | +6016-6464874 | [azahemy@mac.org.my](mailto:azahemy@mac.org.my)

(END)